

22 JUN 1997

EKSPEDISI UKUR KETINGGIAN KINABALU BERMULA

KOTA KINABALU, 22 Jun (Bernama) -- Anggota-anggota ekspedisi Projek Kinabalu ISM '97 hari ini memulakan perjalanan mereka dari sini ke Gunung Kinabalu, di Ranau, kira-kira 100km dari sini bagi menentukan ketinggian sebenar gunung tertinggi Asia Tenggara itu.

Projek itu dilancarkan bagi mengukur ketinggian gunung berkenaan yang dikatakan semakin meninggi pada kadar lima milimeter setahun. Ketinggian gunung itu yang diterimapakai ketika ini ialah 4,101 meter yang diukur 87 tahun lepas.

Projek anjuran Institut Juruukur Malaysia (ISM) dengan kerjasama Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Taman-Taman Sabah dilepaskan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Padang Merdeka di sini.

Pengerusi Penganjur projek itu, Ho Kin Wong berkata ekspedisi itu yang akan menggunakan teknologi satelit moden, akan dibuat sehingga 27 Jun ini yang akan cuba menentukan ketinggian gunung itu sehingga ke ukuran milimeter yang paling hampir.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang turut menyertai ekspedisi itu, akan memulakan pendakian esok.

"Saya kini mempersiapkan mental saya untuk pendakian itu. Secara fizikalnya saya tidak bersedia," katanya secara berseloroh kepada pemberita yang menemuinya selepas upacara pelepasan ekspedisi itu.

Ketinggian baru gunung itu dijangka diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad pada Ogos ini. -- BERNAMA

JS AHH